KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

**LAPORAN HARIAN SELASA, 29 JULAI 2025**



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

29/7/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **PERANAN WANITA PERLU DIIKTIRAF DALAM SEMUA SEKTOR - DR WAN AZIZAH** | | POSITIF |
| | https://thesun.my/cerita/berita/peranan-wanita-perlu-diiktiraf-dalam-semua-sektor-dr-wan-azizah-HG14563343 | THESUN.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/parlimen-sasaran-30-peratus-ahli-parlimen-wanita-masih-jauh/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2450309 | BERNAMA.COM | |
| | https://themalaysianreserve.com/2025/07/28/dasar-wanita-negara-2025-2030-outlines-inclusive-push-for-womens-development/ | THEMALAYSIANRESERVE.COM | |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2450294 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/peranan-pengurus-rumah-tangga-perlu-diiktiraf-wan-azizah/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.tvsarawak.my/2025/07/28/kerja-penjagaan-tidak-berbayar-oleh-wanita-wajar-diiktiraf/ | TVSARAWAK.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/07/28/dasar-wanita-negara-pacu-pemerkasaan-sasaran-30-peratus-wakil-di-parlimen/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemerkasaan-wanita-perlu-melangkaui-sektor-formal-dr-wan-azizah-531591 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/peranan-ibu-perlu-diberi-pengiktirafan-wan-azizah/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/women-empowerment-must-include-informal-sector-says-dr-wan-azizah-GG14564389 | THESUN.MY | |
| | https://malaysiabangkit.com/dasar-wanita-negara-pacu-pemerkasaan-wanita-peringkat-nasional-antarabangsa/ | MALAYSIAGBANGKIT.COM | |

29/7/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **KESIHATAN MENTAL WANITA BEKERJAYA DI MALAYSIA MASIH TERKAWAL - YKN** | | POSITIF |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1425594/kesihatan-mental-wanita-bekerjaya-di-malaysia-masih-terkawal-ykn | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2450170 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2450113 | BERNAMA.COM | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/mental-health-of-career-women-in-malaysia-remains-stable-ykn-JG14561800 | THESUN.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesihatan-mental-wanita-berkerjaya-di-malaysia-masih-terkawal-ykn-531571 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.tvsarawak.my/2025/07/28/kesihatan-mental-wanita-berkerjaya-di-malaysia-masih-terkawal-ykn/ | TVSARAWAK.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **20 KANAK-KANAK DISELAMATKAN JKM, HIDUP TANPA PENJAGA SAH, DINAFIKAN KEPERLUAN ASAS** | | POSITIF |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2025/07/1245803/20-kanak-kanak-diselamatkan-jkm-hidup-tanpa-penjaga-sah-dinafikan-keperluan | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/07/28/20-budak-diselamatkan-di-gudang-pusat-tidak-berdaftar/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/07/28/jkm-polis-p-pinang-selamatkan-20-kanak-kanak-dalam-operasi-khas/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/op-abai-20-kanakkanak-termasuk-bayi-15-hari-diselamatkan-jkm-531588 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/740716/berita/semasa/20-kanak-kanak-termasuk-bayi-berusia-15-hari-ditemui-dalam-gudang | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1425750/jkm-selamatkan-20-kanak-kanak-daripada-pusat-jagaan-tidak-selamat | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/28/bayi-antara-20-budak-diselamat-dari-gudang | FREEMALAYSIATODAY.COM | |




29/7/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/pulau-pinang-20-kanak-kanak-termasuk-bayi-diselamatkan-dalam-operasi-khas/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/07/28/20-children-including-15-day-old-baby-rescued-from-unlicensed-centre | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/07/28/penang-welfare-department-rescues-20-children-including-baby-from-shady-warehouse-centre/185528 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/penang-welfare-dept-rescues-20-children-in-ops-abai-raid-NG14564485 | THESUN.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/07/1251603/15-day-old-baby-among-20-children-rescued-unsafe-care-homes-penang | NST.COM.MY | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/28/penang-welfare-dept-rescues-20-children-including-newborn-in-ops-abai | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/111012/penang-rescued-children-found-in-abandoned-warehouse-living-among-stray-dogs | THEVIBES.COM | |
| | https://siakapkeli.my/2025/07/28/20-kanak-kanak-termasuk-bayi-15-hari-diselamatkan-jkm | SIAKAPKELI.MY | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=Ebu85irkxY0 | YOUTUBE | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **KANAK-KANAK HILANG DITEMUKAN MAUT, DISYAKI MANGSA BUNUH AYAH KANDUNG** | | **NEGATIF** |
| | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kanak-kanak-hilang-ditemukan-maut,-disyaki-mangsa-bunuh-ayah-kandung | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/740774/berita/semasa/kanak-kanak-hilang-di-johor-bahru-ditemui-mati-mayat-tertanam-di-belukar | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/07/28/disangka-kes-kemalangan-rupa-rupanya-kes-bunuh-budak/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2025/07/1245896/budak-lelaki-hilang-di-johor-ditemukan-mati-ditanam-di-jempol-bapa-ditahan | HMETRO.COM.MY | |




29/7/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1425871/budak-6-tahun-hilang-ditemui-maut-ditanam-bapa-ditahan | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-hilang-ditemukan-maut-disyaki-mangsa-bunuh-ayah-kandung-531617 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2450390 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/kanak-kanak-enam-tahun-dibunuh-mayat-ditemukan-di-jempol/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/07/28/budak-6-tahun-hilang-di-jb-mayat-jumpa-di-jempol/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://siakapkeli.my/2025/07/28/kanak-kanak-hilang-ditemui-maut | SIAKAPKELI.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **BULI, DERA KANAK-KANAK: JANGAN SUDAH TERLEWAT BARU LAPOR POLIS** | | POSITIF |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1425481/buli-dera-kanak-kanak-jangan-sudah-terlewat-baru-lapor-polis | BHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **ISU TASKA TAK MAHU AMBIL BAYI DIBAWA KEPADA MENTERI - EXCO** | | NEUTRAL |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1425804/isu-taska-tak-mahu-ambil-bayi-dibawa-kepada-menteri-exco | BHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | **PENGANTUNAN KANAK-KANAK: PAKAR KONGSI APLIKASI MEDIA SOSIAL PERLU DIAWASI IBU BAPA, PENJAGA** | | NEUTRAL |
| | https://malaysiagazette.com/2025/07/28/pengantunan-kanak-kanak-pakar-kongsi-aplikasi-media-sosial-perlu-diawasi-ibu-bapa-penjaga/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |




29/7/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 8 | **IBU TUNGGAL, ANAK PEREMPUAN MAKAN NASI BERLAUK GARAM, CATU MAKANAN AKIBAT KEMISKINAN** | | NEGATIF |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1425673/ibu-tunggal-anak-perempuan-makan-nasi-berlauk-garam-catu-makanan | BHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 9 | **MAYAT WANITA DITEMUI DI BAWAH JAMBATAN SUNGAI KLANG** | | NEGATIF |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/07/28/mayat-wanita-ditemui-di-bawah-jambatan-sungai-klang/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1245878/mayat-wanita-bawah-jambatan-gemparkan-penduduk | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/740760/berita/semasa/mayat-wanita-ditemukan-bawah-jambatan-sungai-klang | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/07/28/body-of-woman-found-under-sungai-klang-bridge | FREEMALAYSIATODAY.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 10 | **EJEN PENAPIS AIR DIDAKWA LAKU AMANG SEKSUAL REMAJA 17 TAHUN** | | NEGATIF |
| | https://www.buletintv3.my/mahkamah/ejen-penapis-air-didakwa-laku-amang-seksual-remaja-17-tahun/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1245709/bapa-empat-anak-didakwa-amang-seksual-remaja | HMETRO.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/07/28/ejen-penapis-air-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-17-tahun/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=3AxlWWqLz48 | YOUTUBE | |




29/7/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 11 | **CUBA NODA WANITA DALAM PEJABAT PERSATUAN, LELAKI NEPAL MASIH BEBAS** | | **NEGATIF** |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/07/28/cuba-noda-wanita-dalam-pejabat-persatuan-lelaki-nepal-masih-bebas/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1245916/polis-cari-pengawal-keselamatan-cabul-wanita | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 12 | **LELAKI LAKUKAN GANGGUAN SEKSUAL MAUT DIPUKUL ORANG RAMAI** | | **NEGATIF** |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1425802/lelaki-lakukan-gangguan-seksual-maut-dipukul-orang-ramai | BHARIAN.COM.MY | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | 'ROLE OF WOMEN IN INFORMAL SECTOR MUST BE EQUALLY RECOGNISED' | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | THE STAR |
| TARIKH : | 29 JUL 2025 | M/SURAT : | 02 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# 'Role of women in informal sector must be equally recognised'

**KUALA LUMPUR:** The role of women in the informal sector, especially housewives and family caregivers, needs to be recognised and appreciated, commensurate with their contributions to society and country, says Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Dr Wan Azizah, the wife of Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, said women's policies formulated by the government, such as the National Policy on Women (DWN) and Women's Development Action Plan (PTPW) 2025-2030, not only emphasise the importance of empowering women but also increase public awareness of the major role played by this group in the country's progress.

The policies are important in enhancing the role of women, raising their image and appreciating their contributions to the country, she added.

"These policies reflect the government's commitment towards a better future for women, especially in contributing to the national development process," she said.

Dr Wan Azizah said this at a press conference after officiating the DWN-PTPW 2025-2030 Special Walkabout at the Parliament building yesterday, Bernama reported.

The event themed 'Women's Dignity, Strengthening the Nation' was also attended by Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri, Deputy Communications Minister Teo Nie Ching and Dewan Rakyat Deputy Speaker Alice Lau Kiong Yieng.

At the same press conference, Nancy suggested that unpaid care work be valued equally with paid work, especially for women from vulnerable groups.

"We need to change it to something equivalent to paid care work," she said.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEMERKASAAN WANITA PERLU MELANGKAUI SEKTOR FORMAL | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 29 JUL 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pemerkasaan wanita perlu melangkaui sektor formal

## Suri rumah, penjaga keluarga perlu diiktiraf setimpal dengan sumbangan mereka kepada masyarakat, negara

**KUALA LUMPUR: Peranan wanita dalam sektor tidak formal khususnya suri rumah dan penjaga keluarga perlu diiktiraf dan dihargai setimpal dengan sumbangan mereka kepada masyarakat dan negara, kata isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.**

Beliau yang juga Pengerusi Majlis Penasihat Hal Ehwal Wanita dan Keluarga berkata dasar wanita yang digubal kerajaan seperti Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) 2025-2030 bukan sahaja memberi penekanan terhadap kepentingan memperkasakan wanita, malah meningkatkan kesedaran awam tentang peranan besar yang dimainkan golongan itu dalam kemajuan negara.

"Dasar itu penting bagi memajukan wanita selain menaikkan imej dan menghargai sumbangan mereka kepada negara. Polisi ini mencerminkan komitmen kerajaan ke arah masa depan yang lebih baik untuk wanita, terutamanya dalam menyumbang proses pembangunan negara," katanya.

Dr Wan Azizah berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Walkabout Khas DWN dan PTPW 2025-2030 di Parlimen Malaysia di sini semalam.

Majlis bertemakan 'Martabat Wanita, Memperkukuh Negara' itu turut dihadiri oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri, Timbalan Menteri Komunikasi Teo Nie Ching dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat Alice Lau Kiong Yieng.

> "Dasar itu penting bagi memajukan wanita selain menaikkan imej dan menghargai sumbangan mereka kepada negara. Polisi ini mencerminkan komitmen kerajaan ke arah masa depan yang lebih baik untuk wanita, terutamanya dalam menyumbang proses pembangunan negara."
>
> Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail
> *Pengerusi Majlis Penasihat Hal Ehwal Wanita dan Keluarga*

Sementara itu, Nancy pada sidang media sama mencadangkan kerja penjagaan tidak berbayar sewajarnya mendapat penghargaan yang setimpal dengan kerja berbayar, khususnya bagi wanita daripada kumpulan rentan yang benar-benar memerlukan sokongan.

"Kita perlu tukarkan kepada sesuatu yang bersamaan dengan kerja penjagaan yang dibayar," katanya.

Beliau turut menekankan perlunya pendekatan menyeluruh kerajaan untuk memperkasakan wanita serta memastikan keseimbangan terhadap beban kerja yang ditanggung golongan itu.



LAWATAN: Wan Azizah bersama Nancy (kanan) melawat reruai pameran pada Majlis Perasmian Program Santai Khas Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Tahun 2025-2030, di Bangunan Parlimen, semalam. — Gambar Bernama

Nancy berkata sistem sokongan juga perlu diperkukuh untuk wanita berkerjaya, termasuk penyediaan taska di tempat kerja dan sokongan daripada ahli keluarga. — Bernama

# Peranan wanita perlu diiktiraf dalam semua sektor - Dr Wan Azizah

theSun Berita

2025-07-28 07:28 PM



fotoBERNAMA

**KUALA LUMPUR**: Peranan wanita dalam sektor tidak formal, terutamanya sebagai suri rumah dan penjaga keluarga, perlu diiktiraf dan dihargai setimpal dengan sumbangan mereka kepada masyarakat dan negara.

Demikian ditegaskan oleh isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis Penasihat Hal Ehwal Wanita dan Keluarga berkata, dasar seperti Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) 2025–2030 bukan sahaja memberi penekanan terhadap pemerkasaan wanita, malah meningkatkan kesedaran awam tentang peranan besar mereka dalam kemajuan negara.

"Dasar ini penting bagi memajukan wanita, menaikkan imej, dan menghargai sumbangan mereka.

Polisi ini mencerminkan komitmen kerajaan ke arah masa depan yang lebih baik untuk wanita, terutamanya dalam pembangunan negara," katanya selepas merasmikan Walkabout Khas DWN dan PTPW di Parlimen Malaysia.

Majlis bertemakan 'Martabat Wanita, Memperkukuh Negara' itu turut dihadiri Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri, yang mencadangkan kerja penjagaan tidak berbayar sewajarnya dihargai setara dengan kerja berbayar.

"Kita perlu tukarkan kepada sesuatu yang bersamaan dengan kerja penjagaan berbayar, khususnya bagi wanita dalam kumpulan rentan," kata Nancy.

Beliau turut menekankan keperluan sistem sokongan lebih kukuh untuk wanita berkerjaya, termasuk penyediaan taska di tempat kerja. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TAHAP KESIHATAN MENTAL PEKERJA WANITA MALAYSIA TERKAWAL | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 29 JUL 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tahap kesihatan mental pekerja wanita Malaysia terkawal

**Putrajaya:** Tahap kesihatan mental wanita berkerjaya di Malaysia terkawal berbanding negara Barat, namun langkah advokasi dan intervensi awal tetap penting bagi mengelakkan tekanan menjadi lebih serius.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara (YKN) Nordina Haron berkata, kebanyakan wanita di negara ini masih mampu mengimbangi urusan kerjaya dan keluarga walaupun berdepan cabaran emosi dalam kehidupan seharian.

"Namun kalau tidak dikawal, tekanan boleh menjejaskan emosi. Sebab itu, program intervensi seperti Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) penting, kita buat sebelum parah," katanya pada sesi bersama PSSS YKN anjuran Persatuan Wartawan Wanita Malaysia (PERTAMA) di sini.

Nordina berkata, wanita berkerjaya sering berhadapan tekanan termasuk isu keluarga, tugasan kerja yang mencabar atau memikul tanggungjawab menjaga ibu bapa yang uzur, lebih-lebih lagi bagi wanita belum berkahwin.

"Ramai juga saya jumpa wanita berjawatan tinggi, tidak berkahwin tetapi menjaga ibu sakit. Kalau tidak pandai kawal stres, ia boleh ganggu kestabilan emosi juga," katanya.

Nordina berkata, YKN amat menghargai kerjasama dengan PERTAMA kerana wartawan wanita adalah kumpulan yang turut terdedah kepada beban emosi terutama ketika membuat liputan kes tragis atau membabitkan penderitaan rakyat.

> "Kadang-kadang kita rasa sihat, tetapi sebenarnya terjejas secara dalaman
> Sariha

"Isu ini kadang-kadang hanya wanita yang faham. Wartawan wanita melihat bagaimana (contohnya) ibu menangis di mahkamah kerana anak terbabit dadah atau mencuri kerana kesempitan hidup dan emosi itu mereka bawa pulang. Jadi sesi psikososial ini membantu mereka lepaskan beban itu," katanya.

Beliau berkata, PSSS kini aktif menjalankan program intervensi di seluruh negara melalui lapan unit mobil di zon tengah, utara, selatan, timur, Sabah dan Sarawak.

Sesi anjuran PERTAMA turut menyaksikan penyertaan lebih 30 wartawan wanita daripada persatuan itu yang menjalani saringan kesihatan mental menggunakan ujian Skala Kemurungan, Kebimbangan dan Tekanan (DASS), analisis personaliti secara metafizik menerusi lukisan dan tarikh lahir, serta latihan penggunaan bola tekanan dan teknik pernafasan.

Sementara itu, Presiden PERTAMA, Sariha Mohd Ali menyifatkan program berkenaan sebagai pengalaman luar biasa yang menyedarkan peserta mengenai pentingnya menjaga kesihatan mental.

"Kadang-kadang kita rasa sihat, tetapi sebenarnya terjejas secara dalaman. Aktiviti seperti melukis yang nampak remeh pun sebenarnya boleh bantu kenal pasti personaliti dan beban emosi. Insya-Allah kita rancang lagi sesi seperti ini dengan pendekatan berbeza, supaya kita dapat korek lagi apa sebenarnya 'tanggungan' jiwa orang media," katanya.

Program dua hari satu malam anjuran PERTAMA yang bermula Sabtu lalu diadakan di Glamping@Wetland Putrajaya. Bertemakan rehat, refleksi dan rangkaian sokongan sesama wanita, program berkenaan turut diselitkan dengan beberapa aktiviti lasak seperti ATV yang mencabar fizikal dan membina semangat berpasukan.

# Kesihatan mental wanita bekerjaya di Malaysia masih terkawal - YKN

Oleh BERNAMA - Julai 28, 2025 @ 12:51pm



Nordina (tengah) bersama Sariha (dua dari kiri) selepas majlis PSSS YKN anjuran Persatuan Wartawan Wanita Malaysia (PERTAMA) di Putrajaya.

PUTRAJAYA: Tahap kesihatan mental wanita bekerjaya di Malaysia masih terkawal berbanding negara Barat, namun langkah advokasi dan intervensi awal tetap penting bagi mengelak tekanan menjadi lebih serius.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Nordina Haron, berkata kebanyakan wanita di negara ini masih mampu mengimbangi urusan kerjaya dan keluarga walaupun berdepan cabaran emosi dalam kehidupan seharian.

"Namun kalau tidak dikawal, tekanan boleh menjejaskan emosi. Sebab itu, program intervensi seperti Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) penting, kita buat sebelum parah," katanya kepada media pada sesi bersama PSSS YKN anjuran Persatuan Wartawan Wanita Malaysia (PERTAMA) di sini.

Nordina berkata, wanita bekerjaya sering berhadapan tekanan termasuk isu keluarga, tugasan kerja yang mencabar atau memikul tanggungjawab menjaga ibu bapa yang uzur, terutama lagi bagi wanita yang belum berkahwin.

"Ramai juga saya jumpa wanita berjawatan tinggi, tidak berkahwin tetapi menjaga ibu mereka yang sakit. Kalau tidak pandai mengawal stres, ia boleh mengganggu kestabilan emosi juga," katanya.

Nordina berkata, YKN amat menghargai kerjasama dengan PERTAMA kerana wartawan wanita adalah kumpulan yang turut terdedah kepada beban emosi, terutamanya ketika membuat liputan kes tragis atau membabitkan penderitaan rakyat.

"Isu ini kadang-kadang hanya wanita yang faham. Wartawan wanita melihat sendiri bagaimana (contohnya) ibu menangis di mahkamah kerana anak terbabit dadah atau mencuri kerana kesempitan hidup dan emosi itu mereka bawa pulang. Jadi sesi psikososial ini membantu mereka lepaskan bebanan itu," katanya.

Beliau berkata, PSSS kini aktif menjalankan program intervensi di seluruh negara melalui lapan unit mobil di zon tengah, utara, selatan, timur, Sabah dan Sarawak.

Sesi anjuran PERTAMA turut menyaksikan penyertaan lebih 30 wartawan wanita daripada persatuan itu yang menjalani saringan kesihatan mental menggunakan ujian Skala Kemurungan, Kebimbangan dan Tekanan (DASS), analisis personaliti secara metafizik menerusi lukisan dan tarikh lahir, serta latihan penggunaan bola tekanan dan teknik pernafasan.

Sementara itu, Presiden PERTAMA, Sariha Mohd Ali yang juga Pengarang Berita Kanan BH, menyifatkan program berkenaan sebagai satu pengalaman luar biasa yang menyedarkan peserta mengenai pentingnya menjaga kesihatan mental.

"Kadang-kadang kita rasa sihat, tetapi sebenarnya terjejas secara dalaman. Aktiviti seperti melukis yang nampak remeh pun sebenarnya boleh membantu mengenal pasti personaliti dan beban emosi. "Insya-Allah kita akan rancang lagi sesi seperti ini dengan pendekatan berbeza, supaya kita dapat 'mengeluarkan' lagi apa sebenarnya 'tanggungan' jiwa orang media," katanya.

Program dua hari satu malam anjuran PERTAMA yang bermula Sabtu lalu diadakan di Glamping@Wetland Putrajaya.

Bertemakan rehat, refleksi dan rangkaian sokongan sesama wanita, program berkenaan turut diselitkan dengan beberapa aktiviti lasak seperti ATV yang mencabar fizikal dan membina semangat berpasukan.

Ditubuhkan pada 12 Januari 1971, PERTAMA adalah sebuah persatuan yang menghimpunkan wartawan wanita daripada pelbagai agensi media di seluruh negara. Ia diasaskan tokoh wartawan terkemuka, Allahyarham Azah Aziz.

Sejak penubuhannya, PERTAMA giat menganjurkan pelbagai program pembangunan profesional, dialog media, bengkel dan kerjasama strategik dengan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan.

Objektif utama persatuan ini termasuk meningkatkan tahap profesionalisme, memperkukuh etika kewartawanan serta memperjuangkan hak dan kebajikan wanita dalam bidang media.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | OPERASI KHAS JKM SELAMATKAN 20 BUDAK MINGGU LALU | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 29 JUL 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Operasi khas JKM selamatkan 20 budak minggu lalu

**Georgetown:** Seramai 20 kanak-kanak termasuk, bayi perempuan berusia 15 hari diselamatkan dalam operasi khas bersepadu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pihak polis minggu lalu.

Operasi terbabit dilakukan Isnin lalu, di dua premis di Seberang Prai Tengah, di sini, hasil laporan risikan dan pemeriksaan pihak berkuasa susulan aduan orang ramai mengenai kemungkinan terdapat unsur penderaan atau pengabaian.

Sebahagian kanak-kanak terbabit tidak mempunyai penjaga yang sah, selain tidak menerima keperluan asas mencukupi termasuk makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selamat.

Mereka dipercayai memiliki kewarganegaraan berbeza dengan turut dikesan kanak-kanak warga tempatan, selain ada di antara kanak-kanak terbabit boleh bertutur dalam bahasa Mandarin.



*Siew Khim (tengah) bersama Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang, Rozita Ibrahim (dua dari kiri) menunjukkan gambar gudang didiami kanak-kanak yang diselamatkan di pejabatnya di Komtar, semalam.* (Foto Mikail Ong/BH)

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam Pulau Pinang, Lim Siew Khim, mengesahkan kanak-kanak berusia antara 15 hari dan 16 tahun itu terdiri daripada 10 lelaki dan 10 perempuan.

Beliau berkata, 12 kanak-kanak itu termasuk bayi perempuan, tidak mempunyai sijil kelahiran, manakala enam yang lain memiliki pengenalan diri yang sah.

"Semua kanak-kanak terbabit kini ditempatkan di institusi kerajaan yang diwartakan sebagai 'Tempat Selamat'," katanya kepada pemberita di pejabatnya di Komtar, di sini semalam.

Siew Khim berkata, pihaknya menerima aduan sejak akhir tahun lalu dan beberapa kali pergi ke alamat terbabit, tetapi tidak menemui mangsa terbabit sebelum pergi semula minggu lalu yang akhirnya menemui kanak-kanak terbabit.

"Di sebuah gudang, kami menemui lima penjaga dengan lima anak. Kami kemudian pergi ke pusat pembelajaran persendirian di taman perumahan, di sini kami menemui 15 lagi kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata, gudang tempat tinggal kanak-kanak itu tidak bersih dan beberapa kanak-kanak didapati mengalami jangkitan.

Katanya, dia berpeluang bercakap dengan beberapa kanak-kanak berkenaan, tetapi maklumat diterima tidak memadai, malah daripada cara mereka bercakap, seolah-olah diajar memberikan maklumat 'mengelirukan'.

Siew Khim berkata, perintah jagaan sementara dikeluarkan Mahkamah Bukit Mertajam dan kanak-kanak yang diselamatkan sudah menjalani pemeriksaan kesihatan di Hospital Seberang Jaya, selain pasukan petugas khas ditubuhkan JKM untuk menyelaras usaha dokumentasi dan siasatan latar belakang kanak-kanak terbabit.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BABY AMONG 20 KIDS RESCUED | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 29 JUL 2025 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

JOINT OPERATION

# BABY AMONG 20 KIDS RESCUED

They didn't have food, clothing and safe shelter, says Penang exco member

AUDREY DERMAWAN
**GEORGE TOWN**
audreymd@nst.com.my



*Penang Social Development, Welfare and Non-Islamic Affairs Committee chairman Lim Siew Khim (centre) showing photos of the July 21 rescue operation in George Town yesterday.* NSTP PIC BY MIKAIL ONG

TWENTY children, including a 15-day-old baby girl, were rescued in a an operation conducted by the Welfare Department and police last week.

The operation, carried out on two premises in Seberang Prai Tengah on July 21, followed intelligence reports and inspections by the authorities.

It uncovered children believed to be living without legal guardians and deprived of basic necessities, such as food, clothing and safe shelter.

The children are believed to be of various nationalities, including Malaysians.

State Social Development, Welfare and Non-Islamic Affairs Committee chairman Lim Siew Khim said yesterday that the children, aged between 15 days and 16 years, comprised 10 boys and 10 girls.

She said 12 of the children, including the newborn, did not possess birth certificates, while only six had valid identification documents.

The newborn's mother is 20 years old.

Two of the children have been placed in the care of immediate family members.

"All the children are in safe custody and have been placed in government-designated institutions classified as safe places."

Lim said the operation was launched following public complaints of suspected abuse and neglect, which had been received since late last year.

"We visited the address on several occasions but found no children on the premises.

"However, during last week's operation, we finally located the children.

"At one warehouse, we found five caretakers with five children.

"We then went to a self-run learning centre in a residential area, where another 15 children were found," she said.

She added that the warehouse was in an unhygienic state and some children were found with infections.

"I tried speaking to some of them, but it was difficult to gather information. Their responses appeared rehearsed, and some gave conflicting accounts."

Lim said temporary custody orders were obtained from the Bukit Mertajam court, and the children were sent for health screenings at Seberang Jaya Hospital.

A task force has since been established by the Welfare Department to coordinate documentation efforts and carry out background investigations into each child.

The process will be implemented in phases. "The welfare of every child remains our priority."

Reaffirming the state government's commitment to upholding the safety and rights of children, Lim pledged firm action against any form of neglect or abuse.

"We urge members of the public to remain vigilant for signs of child neglect, abuse, or unlawful custody, and to report such cases to the Social Welfare Department or via the Kasih Hotline at 15999."

Lim said that the case had been handed over to the police.

# 20 kanak-kanak diselamatkan JKM, hidup tanpa penjaga sah, dinafikan keperluan asas

Audrey Dermawan
audreymd@nst.com.my



EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam negeri, Lim Siew Khim (tengah) bersama Pengarah JKM Pulau Pinang, Rozita Ibrahim (dua kiri) menunjukkan gambar lokasi gudang yang dijadikan tempat tinggal 20 kanak-kanak, termasuk seorang bayi perempuan berusia hanya 15 hari. FOTO Mikail Ong

Georgetown: Seramai 20 kanak-kanak termasuk seorang bayi perempuan berusia 15 hari diselamatkan dalam satu operasi khas bersepadu dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersama pihak polis, minggu lalu.

Operasi dijalankan pada 21 Julai lalu di dua premis di Seberang Perai Tengah susulan maklumat risikan dan pemeriksaan oleh pihak berkuasa.

Ia mendedahkan bahawa kanak-kanak berkenaan dipercayai hidup tanpa penjaga sah dan dinafikan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selamat.

Mereka dipercayai terdiri daripada pelbagai kewarganegaraan termasuk warga tempatan.

Sebahagian daripada mereka didapati boleh bertutur dalam bahasa Mandarin.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam negeri, Lim Siew Khim mengesahkan bahawa kanak-kanak berusia antara 15 hari hingga 16 tahun itu terdiri daripada 10 lelaki dan 10 perempuan.

Daripada jumlah itu, katanya, 12 kanak-kanak tidak mempunyai sijil kelahiran termasuk bayi yang baru lahir, manakala enam mempunyai dokumen pengenalan sah.

Ibu kepada bayi berkenaan berusia 20 tahun.

Beliau berkata, dua kanak-kanak diserahkan bagi jagaan kepada ahli keluarga terdekat.

"Kesemua kanak-kanak kini dalam keadaan selamat dan ditempatkan di institusi kerajaan yang digazetkan," katanya kepada media di pejabatnya di Komtar, hari ini.

Lim berkata, operasi itu dijalankan susulan aduan diterima daripada orang awam mengenai kemungkinan wujud unsur penderaan atau pengabaian.

Katanya, pihaknya menerima aduan berhubung perkara itu sejak hujung tahun lalu.

"Kami pergi ke alamat diberikan beberapa kali tetapi tidak menemui sebarang kanak-kanak sebelum ini. Namun, apabila kami ke sana lagi minggu lalu, kami akhirnya menemui mereka.

"Di sebuah gudang, kami menemui lima penjaga bersama lima kanak-kanak. Kami kemudian pergi ke sebuah pusat pembelajaran kendalian sendiri di sebuah kawasan perumahan dan menemui 15 kanak-kanak lagi," katanya.

Lim berkata, gudang tempat kanak-kanak itu tinggal berada dalam keadaan tidak bersih dengan sebahagian daripada mereka didapati mengalami jangkitan.

Katanya, beliau sudah berbual dengan sebahagian daripada mereka tetapi tidak mendapat banyak maklumat.

"Cara mereka bercakap seolah-olah diajar untuk menjawab dengan cara sedemikian.

"Ada juga yang memberikan maklumat yang 'mengelirukan'," katanya.

Menurutnya, perintah jagaan sementara dikeluarkan oleh Mahkamah Bukit Mertajam, dan semua kanak-kanak yang diselamatkan menjalani pemeriksaan kesihatan di Hospital Seberang Jaya.

Beliau berkata, satu pasukan petugas khas ditubuhkan oleh JKM untuk menyelaras usaha dokumentasi dan menjalankan siasatan latar belakang bagi setiap kanak-kanak.

Katanya, langkah itu akan dilaksanakan secara berperingkat dengan sokongan rakan strategik daripada pelbagai agensi.

"Kebajikan setiap kanak-kanak kekal sebagai keutamaan utama kami dan segala tindakan yang diambil adalah berlandaskan prinsip Kepentingan Terbaik Kanak-Kanak," katanya.

"Kerajaan Pulau Pinang komited mempertahankan keselamatan dan hak kanak-kanak serta berikrar akan mengambil tindakan tegas terhadap sebarang bentuk pengabaian atau penderaan.

"Kami menyeru orang awam supaya sentiasa peka terhadap tanda-tanda pengabaian, penderaan atau penjagaan tidak sah ke atas kanak-kanak dan melaporkan kes-kes sedemikian segera kepada JKM atau menerusi Talian Kasih di 15999.

"Kami juga menasihatkan orang ramai supaya tidak membuat spekulasi atau menyebarkan maklumat tidak disahkan, memandangkan siasatan polis terhadap kes ini masih dijalankan," katanya.

Katanya, siasatan kes itu kini diserahkan kepada pihak polis.

**Disiarkan pada: Julai 28, 2025 @ 4:46pm**

# Kanak-kanak hilang ditemukan maut, disyaki mangsa bunuh ayah kandung

Jenayah - Dicipta: 28 Julai 2025 11:08 PM




***SEREMBAN, 28 Julai*** - Polis menemukan mayat seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun yang disyaki dibunuh sebelum ditanam di kawasan Rompin, Jempol di sini petang tadi.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Ahmad Dzaffir Mohd Yussof berkata pihaknya menerima maklumat mengenai penemuan mayat itu kira-kira 4.30 petang.

Beliau berkata siasatan awal mendapati kanak-kanak berkenaan dilaporkan hilang di Taman Bukit Indah, Johor Bahru pada 24 Julai lepas dan kes disiasat di bawah Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 serta diklasifikasikan sebagai orang hilang.

"Susulan laporan kehilangan itu, Polis Kontinjen Johor menahan lelaki dipercayai ayah kandung mangsa, berusia 36 tahun kira-kira 12 tengah hari pada tarikh sama (24 Julai) di Johor Bahru sebelum membawa kepada penemuan mayat kanak-kanak," katanya dalam kenyataan di sini malam ini.

Beliau berkata kes kini disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan. - BERNAMA





| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 30 TAHUN AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA, RAMAI MASIH TIDAK TAHU | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 29 JUL 2025 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# 30 tahun Akta Keganasan Rumah Tangga, ramai masih tidak tahu



(Foto hiasan)

## Ada segelintir anggap prosedur membebankan, sistem perlindungan berat sebelah


Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my


**Tiga** dekad berlalu sejak Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 diperkenalkan, namun hakikatnya, masih ramai rakyat Malaysia termasuk mangsa tidak tahu atau tidak yakin dengan keberkesanannya.

Lebih mengejutkan, ada yang langsung tidak pernah dengar akta ini.

Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Nazare Yusra Mohamed, berkata ramai tidak ambil tahu selagi belum terkena.

"Apabila sudah jadi mangsa atau ada ahli keluarga terbabit, baru mereka tercari-cari maklumat," katanya pada Seminar Bedah Akta: Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 di Dewan Khalid Kadir, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) di sini, baru-baru ini.

Majlis disempurnakan oleh Pengarah HCTM, Datuk Dr Azmi Baharudin.

Walaupun pelbagai saluran bantuan disediakan seperti Talian Kasih 15999, Nazare mengakui ramai yang masih tidak tahu atau keliru mengenai siapa nak dihubungi, di mana nak berlindung dan apa hak mangsa.

Mmaklumat sedemikian jarang disebarkan dalam platform yang dekat dengan rakyat, seperti di klinik kesihatan, sekolah, tempat kerja atau media sosial.

Katanya, ada juga segelintir masyarakat membuat tanggapan sistem perlindungan berkenaan berat sebelah.

Walaupun Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 memberi perlindungan undang-undang kepada mangsa, tetapi ada individu merasakan prosedurnya membebankan.

"Ia berikutan mangsa perlu buat laporan polis sendiri, kemudian polis pula perlu membuka kertas siasatan sebelum tindakan lanjut diambil oleh agensi lain seperti JKM atau mahkamah.

"Jika tak ada laporan atau kertas siasatan, maka tiada bantuan dapat diberikan. Itu realitinya," tegas Nazare.

### Mangsa takut buat laporan

Lebih malang, pegawai perubatan yang tahu mengenai kes pun tidak boleh membuat laporan bagi pihak mangsa. Jika laporan dibuat tanpa kerjasama mangsa, kes boleh digugurkan di mahkamah.

"Jadi, mangsa sendiri yang perlu ada kesedaran dan membuat laporan polis sendiri supaya pelaku dapat diambil tindakan.

"Peranan pakar perubatan ialah membantu memberikan nasihat tetapi sebelum itu, mereka juga perlu mempunyai pengetahuan mengenai akta ini supaya dapat membantu dengan sewajarnya," katanya.

Nazare turut berkongsi, ada kes mangsa takut buat laporan kerana bimbang pelaku akan bertindak lebih agresif.

Jika pelaku tidak direman atau tiada larangan menghampiri dikeluarkan, mangsa terus terdedah kepada bahaya, malah terpaksa kembali ke rumah pelaku.

"Bayangkan trauma dan penyesalan mangsa apabila tiada tindakan segera boleh diambil," katanya.

Ramai menganggap keganasan rumah tangga hanya berlaku pada wanita, tetapi akta ini sebenarnya melindungi semua, lelaki, kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya (OKU).



*Nazare Yusra Mohamed*

"Namun cabarannya, tiada rumah perlindungan untuk lelaki dewasa, OKU atau warga emas yang jadi mangsa. Sistem sokongan masih belum menyeluruh," katanya.

Justeru, beliau berharap lokasi yang menjadi tumpuan seperti klinik, hospital, balai polis, masjid, sekolah, tempat kerja perlu jadi 'pintu masuk' kepada bantuan.

Katanya, walaupun ia bukan agensi utama, tetapi sedikit sebanyak dapat membantu dengan memberikan maklumat lengkap tentang saluran bantuan.

"Antara usaha yang boleh dilakukan adalah dengan mengedarkan risalah atau poster berkenaan hak mangsa dan peranan akta berkenaan.

"Jika tahu ada sebarang kes, rujuk segera mangsa kepada JKM, polis atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan tidak sekadar menunggu mangsa minta tolong terlebih dahulu," katanya turut berharap, setiap agensi kerajaan dan NGO lebih celik mengenai Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | JANGAN ABAI ISU PENDERAAN KANAK-KANAK | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH : | 29 JUL 2025 | M/SURAT : | 22 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Jangan abai isu penderaan kanak-kanak

**"Ternampak** anak jiran selalu menangis tanpa sebab, jangan buat tak tahu itu mungkin jeritan minta tolong yang tidak bersuara".

Itu peringatan tegas, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak Jabatan Kebajikan Kanak-kanak (JKM), R Kantheswarry, yang turut kesal kerana masih ramai ibu bapa dan masyarakat tidak memandang serius isu penderaan serta pengabaian kanak-kanak.

Katanya, lebih menyedihkan ada yang takut untuk melaporkan, bimbang dikenakan tindakan atau masuk campur hal orang.

Menurut Kantheswarry, JKM giat melaksanakan program advokasi di sekolah rendah sejak 2023 bagi memberi kesedaran awal kepada kanak-kanak mengenai hak mereka dan saluran aduan jika didera atau diabaikan.

"Pada 2024 sahaja, JKM telah memasuki ke lebih 300 sekolah di seluruh negara dan bagi tahun ini, usaha diteruskan termasuk di pusat pemulihan kanak-kanak serta sekolah terpilih.

"Malah, JKM kini dalam perbincangan bersama Kementerian Pendidikan (KPM) untuk mendapatkan kelulusan meluaskan lagi pelaksanaan program kesedaran ini ke lebih banyak sekolah," katanya.

Beliau berkata, sejak program itu diadakan, statistik menunjukkan berlaku peningkatan jumlah aduan yang diterima berkaitan penderaan dan pengabaian.

Namun katanya, peningkatan itu bukan semata-mata menunjukkan lebih banyak kejadian berlaku, sebaliknya mencerminkan peningkatan kesedaran dalam kalangan masyarakat.

**Saluran Bantuan**

- Talian Kasih 15999 (24 jam)
- WhatsApp Talian Kasih: 019-261 5999
- Pejabat JKM berhampiran

"Kita tidak anggap peningkatan kes itu sesuatu yang negatif sebaliknya ia petanda masyarakat kini lebih sedar dan berani untuk membuat laporan," katanya.

Kantheswarry berkata, orang ramai tidak perlu takut melaporkan kes penderaan atau pengabaian kerana mereka akan dilindungi oleh undang-undang dan identiti dirahsiakan sepenuhnya.

Katanya, mereka yang membuat laporan dilindungi di bawah seksyen tertentu dalam undang-undang.

"Jadi tidak perlu takut kerana yang penting adalah keselamatan kanak-kanak perlu diutamakan," katanya.

"Pada 2024 sahaja, JKM telah memasuki ke lebih 300 sekolah di seluruh negara dan bagi tahun ini, usaha diteruskan termasuk di pusat pemulihan kanak-kanak serta sekolah terpilih"



*R Kantheswarry, Ketua Penolong Pengarah JKM*





| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS MASIH SIASAT KEMATIAN ZARA QAIRINA, MINTA HENTIKAN SPEKULASI | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 29 JUL 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Polis masih siasat kematian Zara Qairina, minta hentikan spekulasi

## Lebih 10 hari sudah berlalu kes kematian pelajar 13 tahun belum terungkai

Oleh Rafiqah Dahali dan Juwan Riduan
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Selepas lebih 10 hari pelajar Tingkatan Satu sekolah agama di Papar, Zara Qairina Mahathir, 13, didakwa jatuh dari tingkat tiga bangunan asrama pada 16 Julai lalu, punca sebenar kes yang turut dikaitkan dengan insiden buli, masih belum terungkai.

Kes terbabit menjadi tular dalam laman media sosial dalam tempoh singkat sehingga mengundang pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak termasuk Kementerian Pendidikan (KPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO), selain pempengaruh serta orang awam.

Setakat ini, belum ada perkembangan lanjut atau sebarang perincian kronologi kes secara rasmi dilaporkan mana-mana pihak berkaitan, termasuk siasatan pihak berkuasa.

Kes terbabit menjadi lebih tular apabila pengguna Facebook dengan nama akaun Syira Leizel Janice Abdullah yang mendakwa sebagai keluarga arwah Zara memuat naik hantaran kronologi kes daripada naratif keluarga.

Hantaran itu mendapat banyak perkongsian sehingga tanda pagar #justiceforzara turut menjadi sohor kini dalam mana-mana platform laman media sosial.

Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Bayu Raudhah Sabah (PKBRS), Marhamah Rosli, berkata pihaknya konsisten menyuarakan isu itu dan percaya ia adalah kunci kepada perubahan, di mana langkah berdiam diri disifatkan akan menormalisasikan budaya takut dan menutup kebenaran.

Beliau yang menjadi antara individu yang giat bersuara mengenai kes itu di laman media sosial berkata, pihaknya mahu membela nasib golongan terpinggir dan kurang bernasib baik.

"Dalam sejarah, banyak kes penderaan, buli atau kematian pelajar tenggelam begitu sahaja kerana masyarakat cepat melupakan dan memilih untuk tidak melawan arus.

"Namun, tular tanpa hala tuju juga berbahaya. Apa yang kita perlukan ialah kesedaran yang berfakta, beradab dan berstrategi. Saya pastikan setiap perkongsian saya disaring, disemak dan tidak menuduh individu tertentu, sebaliknya fokus pada sistem dan keadilan.




*Keratan akhbar BH, 17 Julai lalu.*

"Impak besar bukan hanya untuk kes arwah Zara ini tetapi juga untuk mencegah kes lain daripada terus berulang. Jika masyarakat melihat bahawa suara orang ramai mampu mendesak siasatan yang telus, ia akan menjadi peringatan kepada semua pihak berkuasa bahawa rakyat memerhati," katanya.

Susulan itu, beliau berpendapat semua pihak berkaitan harus memainkan peranan masing-masing bukan sahaja KPM atau polis, malah juga pihak sekolah, NGO dan juga orang awam bagi membanteras isu seperti itu.

### Polis masih siasat

Sementara itu, Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Jauteh Dikun, berkata pihaknya masih menjalankan siasatan berhubung kematian pelajar perempuan terbabit.

"Polis menjalankan siasatan menyeluruh dan telus dari semua sudut. Orang ramai diminta bertenang dan tidak membuat sebarang spekulasi sehingga siasatan lengkap dijalankan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, kenyataan itu adalah yang kedua dikeluarkan pihak polis selepas kenyataan pertama pada 18 Julai lalu berhubung kes kematian Zara Qairina.



*Noraidah Lamat menunjukkan gambarnya bersama Zara Qairina.*
(Foto Rafiqah Dahali/BH)

"Ketika ini, siasatan masih diteruskan dan sedang dijalankan secara berterusan oleh pihak polis," katanya.

Zara Qairina, disahkan meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth I (HQE I), di sini pada jam 11 tengah hari, 17 Julai lalu.

Pelajar itu dibawa ke hospital bagi mendapatkan rawatan selepas ditemukan dalam keadaan tidak sedarkan diri di dalam longkang berhampiran asrama itu pada jam 4 pagi, 16 Julai.

Kejadian itu tular di media sosial dan mengundang pelbagai reaksi netizen selepas ia dikaitkan dengan dakwaan kejadian buli yang didakwa berlaku di sekolah berkenaan.

# Buli, dera kanak-kanak: Jangan sudah terlewat baru lapor polis

Julai 28, 2025 @ 10:24am

Minda Pengarang

Statistik penderaan kanak-kanak dikemukakan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri baru-baru ini amat menyedihkan.

Memetik laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 44 kes penderaan kanak-kanak membawa kepada kematian direkodkan pada 2020. Walaupun jumlah itu menurun kepada 24 kes pada 2021, ia melonjak mendadak kepada 74 kes pada 2022, 98 (2023) dan setakat 2024, mencapai angka 114 kes.



Foto hiasan.

Angka ini bukan sekadar statistik, sebaliknya menunjukkan kegagalan pada sistem atau mekanisme pencegahan, pengesanan awal serta tindakan susulan daripada pihak berkuasa dan masyarakat.

Dalam beberapa kes penderaan membawa maut, ia berlaku selepas satu siri penderaan awal yang tidak dikesan orang sekeliling. Sebab itu, intervensi awal sangat kritikal.

Pada masa sama, kes buli dalam kalangan pelajar sekolah termasuk di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) bahkan di institut pengajian tinggi (IPT) tetap berlaku.

Walaupun tindakan keras diambil termasuk digantung persekolahan dan dibuang sekolah, buli di dua premis menempatkan insan muda bijak pandai ini tetap hidup seperti 'api dalam sekam', membara dalam diam sehingga habis semua terbakar.

Soalnya, mengapa dua jenis perlakuan ini masih berleluasa? Jika masalah penderaan mungkin terjadi disebabkan masalah sosial atau jenayah dalam rumah tangga, bagaimana pula dengan perbuatan buli di SBP, MRSM dan IPT yang dilakukan pelajar cerdik dan cemerlang akademik.

Kegagalan ini perlu ditangani secara menyeluruh. Ia bukan semata-mata tanggungjawab kementerian berkaitan atau agensi penguatkuasaan sahaja, tetapi memerlukan kerjasama antara semua pihak termasuk ibu bapa, jiran, guru, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), apatah lagi komuniti.

Sudah tiba masanya kerajaan merangka pelan bersepadu menangani penderaan dan buli membabitkan rentas kementerian khasnya membabitkan Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Jika perlu, tarik juga Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk tangani dua isu ini.

Kita tidak boleh terus menunggu tragedi berlaku baru hendak bertindak. Rumuslah satu formula, pelan tindakan atau mekanisme berteraskan nilai agama, budaya, cara hidup dan penemuan saintifik untuk menamatkan 'badi' penderaan dan buli.

Masyarakat juga perlu cakna. Ambil iktibar daripada kes kematian sendiri di kediaman yang terjadi sebelum ini. Usah sampai mayat membusuk dan berbau, baru hendak melaporkan kepada pihak berkuasa. Pada era digital hari ini, pelbagai medium dan saluran aduan boleh dimanfaatkan.

Talian Kasih 15999, WhatsApp, Telegram, Facebook, Instagram dan TikTok semua kementerian, agensi kerajaan bahkan menteri atau wakil rakyat dan ketua jabatan sentiasa terbuka untuk menjadi saluran melaporkan kes penderaan dan buli. Laporkan demi keselamatan nyawa bersama.

# Isu taska tak mahu ambil bayi dibawa kepada menteri - EXCO

Julai 28, 2025 @ 6:53pm



Anfaal Saari

Oleh Nurhanim Osman

KUALA LUMPUR: Kerajaan Selangor membawa isu pengusaha taska di negeri itu yang enggan mengambil bayi berusia bawah 12 bulan ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari, berkata beliau akan mengadakan pertemuan dengan menteri berkaitan, Datuk Seri Nancy Shukri dalam masa terdekat untuk membincangkan isu berkenaan.

"Saya sedang dapatkan tarikh dari pegawai Menteri atau Timbalan Menteri untuk berbincang hal ini dan mungkin perjumpaan di Parlimen," katanya ketika dihubungi BH, hari ini.

Pada 25 Julai lalu, Anfaal mendedahkan segelintir pengusaha taska dikatakan mula mewujudkan gerakan tidak mengambil bayi bawah 12 bulan di premis mereka susulan kerisauan pihak berkenaan terhadap kes-kes termasuk kematian akibat tersedak susu.

Malah, katanya, ada juga taska meletakkan syarat tambahan sehingga membebankan ibu bapa.

Katanya sehingga ini beliau menerima dua aduan berkaitan perkara itu daripada ibu bapa.

Beliau berkata, kegusaran pengusaha taska itu kemungkinan berpunca daripada nisbah semasa seorang pengasuh bagi tiga bayi, yang memerlukan penjagaan rapi bagi mengelakkan insiden itu dan tindakan pihak berkuasa.

# Pengantunan kanak-kanak: Pakar kongsi aplikasi media sosial perlu diawasi ibu bapa, penjaga

Oleh: Khuzairi Ismail - 28 July 2025




GAMBAR HIASAN

KUALA LUMPUR – Pakar sosial media berkongsi enam aplikasi media sosial yang sering digunakan golongan kanak-kanak yang mungkin menjurus mereka kepada pengantunan kanak-kanak (child grooming).

Menurut Presiden Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA), Siraj Jalil, pengantunan kanak-kanak merupakan satu perilaku jenayah terhadap kanak-kanak yang disifatkan semakin menular dalam kalangan masyarakat hari ini.



Siraj Jalil

Sehubungan itu, beliau menggesa ibu bapa atau penjaga melindungi serta memantau aktiviti digital dan komunikasi dalam talian anak-anak mereka.

Ujarnya, pemangsa (pedofilia) sentiasa mencari peluang dan ruang untuk menjerut mangsa termasuk menerusi platform komunikasi yang kerap digunakan oleh kanak-kanak di negara ini.

Menurut beliau antara aplikasi sosial media itu adalah TikTok yang mana popularitinya tinggi dalam kalangan kanak-kanak seawal usia tujuh tahun.

Katanya, fungsi komen awam, mesej langsung (DM) dan siaran langsung (live) pada aplikasi TikTok mendedahkan kanak-kanak kepada interaksi luar kawalan.

"Kes pedofilia global telah dikesan di TikTok termasuk grooming melalui komen yang kelihatan 'mesra'," katanya.

Selain itu, ujarnya, ibu bapa dan penjaga juga perlu memberi perhatian kepada aplikasi media sosial YouTube/YouTube Kids.

Menurut beliau, YouTube biasa membenarkan komen dan pernah wujud *pedophile ring* dalam ruangan komen yang mengeksploitasi video kanak-kanak.

Sementara itu, katanya, YouTube Kids pula walaupun ditapis kadangkala masih membenarkan iklan atau kandungan manipulatif yang membawa kepada platform luar.

"Algoritma boleh membawa kanak-kanak ke video yang kelihatan tidak bersalah tetapi dieksploitasi oleh pelaku pedofilia," katanya.

Aplikasi media sosial lain adalah Facebook/Facebook Messenger Kids/WhatApps yang direka untuk kanak-kanak bawah 13 tahun, tetapi tetap membenarkan interaksi langsung dengan kenalan luar (jika tidak dikawal ibu bapa dengan betul).

"Terdapat kes penipuan identiti, penyamar sebagai kanak-kanak sebaya (catfishing). Facebook biasa digunakan untuk mengintai dan menjejak profil kanak-kanak yang kurang diselia," katanya.

Turut perlu diberi perhatian adalah aplikasi Roblox iaitu platform permainan interaktif dengan ruang chat (sembang) terbuka.

Menurut beliau, banyak kes grooming dikesan melalui permainan dalam Roblox yang mana pedofil menyamar sebagai rakan sebaya dan memulakan hubungan melalui avatar.

"Ciri permainan turut membenarkan akses kepada dunia virtual dengan kandungan seksual terselindung," katanya.

Aplikasi seterusnya, tambah beliau, adalah Instagram yang mana kanak-kanak praremaja sering membuka akaun media sosial itu tanpa pengetahuan ibu bapa.

Jelasnya, aplikasi media sosial itu yang melibatkan muat naik gambar, video dan mesej peribadi membolehkan komunikasi langsung (contact direct) oleh orang asing (strangers).

"Hashtag berkaitan kanak-kanak sering disalah guna oleh pemangsa untuk menjejak akaun tertentu," katanya.

Tambahnya, aplikasi permainan video yang membenarkan ruang sembang (chat) seperti PUBG Mobile, Free Fire, Mobile Legends dan banyak lagi juga perlu diberi perhatian.

Katanya, fungsi sembang (chat) suara dan mesej teks di dalam permainan membenarkan interaksi luar kawalan.

"Pemangsa menyamar sebagai pemain sebaya dan menarik perhatian mangsa dengan hadiah digital atau *game currency*," katanya.

Menurut Siraj, aktiviti yang menjurus kepada penderaan seksual kanak-kanak (CSAM) turut mensasarkan golongan kanak-kanak di platform-platform tersebut, dan disebabkan itu kerajaan mengehadkan mereka yang berumur 13 tahun ke bawah tidak boleh memiliki akaun media sosial.

Bagaimanapun, tambah beliau, kerajaan tidak menetapkan garis panduan berkaitan komunikasi kanak-kanak di platform permainan dalam talian.

Sehubungan itu, Siraj menggesa supaya ibu bapa dan penjaga sentiasa peka dan meningkatkan keselamatan peranti komunikasi anak-anak mereka bagi mengelak menjadi mangsa pengantunan kanak-kanak. – MalaysiaGazette

# Ibu tunggal, anak perempuan makan nasi berlauk garam, catu makanan akibat kemiskinan

Baharom Bakar - Julai 28, 2025 @ 3:10pm



Zuraida Hussain bersama anak perempuannya, Nur Qaseh Elfira Mohd Zabidi di rumah mereka di Kampung Tanjung, Batu Rakit, Kuala Terengganu. - NSTP/GHAZALI KORI

KUALA TERENGGANU: Ibarat sudah jatuh ditimpa tangga.

Itu nasib terpaksa dilalui ibu tunggal, Zuraida Hussain, 44, bersama anak perempuannya, Nur Qaseh Elfira Mohd Zabidi, 12, yang hidup dalam kedaifan di Kampung Tanjung, Batu Rakit, di sini sehingga terpaksa makan nasi berlaukkan garam dan mencatu makan selepas berpisah dengan suaminya dua bulan lalu.

Lebih membebankan bekas tenaga pengajar institut memandu itu, dia juga mengalami penyakit kencing manis, darah tinggi dan jantung, menyebabkan tiga jari kaki sebelah kiri terpaksa dipotong, selain penglihatan semakin kabur.

"Makan nasi berlaukkan garam dan air gula sudah jadi biasa kerana saya tak mampu beli ikan, sudah tak mampu kerja kerana penglihatan makin kabur. Tiga jari kaki sebelah kiri terpaksa dipotong selepas dijangkiti kuman.

"Walaupun tinggal di rumah pusaka usang berhampiran rumah adik-beradik, mereka juga ada tanggungan besar dan tak mampu bantu sepanjang masa. Memang ada bantuan, terutama beras daripada adik-beradik, tetapi nak beli ikan, mereka juga ada kekangan," katanya ketika ditemui, hari ini.

Zuraida sebelum ini tinggal di Kuantan, Pahang, selepas mendirikan rumah tangga pada 2012 dengan suaminya yang bekerja sebagai nelayan sebelum mereka berpisah pada Mei lalu dan dia kembali ke kampung untuk tinggal di rumah pusaka.

Enggan mengulas lanjut punca perceraian, wanita itu berkata, ia berlaku selepas dia disahkan menghidap penyakit kencing manis serta penglihatan semakin kabur.

"Ada ketika, sebiji telur goreng terpaksa dicatu untuk dimakan dua kali, iaitu tengah hari dan malam. Walaupun hidup serba daif dan makan nasi berlaukkan garam, saya bersyukur kerana Nur Qaseh Elfira faham keadaan kemiskinan yang terpaksa dilaluinya.

"Apa yang saya bimbang, anak yang juga bekas murid di Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Gelam terpaksa menangguhkan persekolahan kerana kami tak mampu sediakan kos pengangkutan. Kami sudah mohon pertukaran Nur Qaseh Elfira ke SK Batu Rakit, tetapi belum terima jawapan Jabatan Pendidikan," katanya.

Mengesahkan tidak menerima sebarang bantuan termasuk daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM), dia berkata, mereka dua beranak memohon bantuan bagi membaik pulih rumah dan pembinaan tandas selain bantuan bulanan bagi meneruskan kehidupan.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Kampung Tanjung Batu Rakit, Hairudin Abdul Ghani, berkata masalah dihadapi Zuraida sudah dipanjangkan kepada Ketua Urus Setia Dewan Undangan Negeri (KUD) Batu Rakit, Bazlan Abdul Rahman.

"Kita dimaklumkan Bazlan sedang berusaha untuk menempatkan Nur Qaseh Elfira ke SK Batu Rakit, selain memohon bantuan daripada pelbagai agensi kerajaan, termasuk peruntukan untuk baik pulih rumah mereka," katanya.




Gambar hiasan.

# Mayat wanita ditemui di bawah Jambatan Sungai Klang

Oleh MOHD. FAHMI ISMAIL 28 Julai 2025, 9:41 pm

PUCHONG – Mayat seorang wanita dewasa yang belum dikenal pasti identitinya ditemukan tertiarap di atas batu di Sungai Klang berhampiran Jalan Jurutera, Batu 13 di sini hari ini.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat, berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan menerusi talian MERS 999 kira-kira pukul 11.58 pagi.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati mayat wanita tersebut lengkap berpakaian serba hitam, namun baju mangsa telah terselak pada bahagian atas.

"Mangsa turut memakai seluar panjang berwarna hitam," katanya dalam kenyataan hari ini.

Wan Azlan berkata, siasatan awal Unit Forensik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor mengklasifikasikan kes mati mengejut selepas mendapati mangsa berada dalam sungai lebih 24 jam berdasarkan keadaan fizikal mayat yang mulai kembung.

"Tiada sebarang dokumen pengenalan diri atau barangan peribadi ditemukan bersama mangsa.

"Pasukan bomba juga hadir untuk bantuan," katanya.

Mayat dihantar ke Jabatan Forensik, Hospital Serdang untuk tujuan bedah siasat.

Orang ramai yang mempunyai maklumat atau kehilangan ahli keluarga diminta menghubungi Pegawai Penyiasat, Inspektor Vigneswaran A/L Kunasekar di talian 014-9229233 atau mana-mana balai polis berhampiran. – KOSMO! ONLINE

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | REMAJA MANGSA AMANG SEKSUAL | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 29 JUL 2025 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Remaja mangsa amang seksual

**Butterworth:** Seorang ejen penapis air dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja perempuan berusia 17 tahun, minggu lalu.

Tertuduh yang berusia 35 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut pertuduhan, bapa kepada empat anak itu didakwa melakukan kesalahan terbabit di sebuah rumah di Taman Chempedak, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara, jam 4.50 petang, 21 Julai lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nurul Aini Yahya manakala tertuduh diwakili peguam, Hairul Alif Hairul Azam.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 28 Ogos ini sebagai tarikh sebutan semula kes dan serahan dokumen.



POLIS mengiringi tertuduh untuk didakwa di Mahkamah Sesyen Butterworth, semalam.

# Ejen penapis air didakwa laku amang seksual remaja 17 tahun

28 Julai 2025, 1:51pm



*Polis mengiringi ejen penapis air untuk didakwa di Mahkamah Sesyen Butterworth atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja perempuan berusia 17 tahun dalam kejadian di sebuah rumah di Tasek Gelugor. – Foto NSTP*

**BUTTERWORTH:** Seorang ejen penapis air dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja perempuan berusia 17 tahun, minggu lalu.

Tertuduh yang berusia 35 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut pertuduhan, bapa kepada empat anak itu didakwa melakukan kesalahan terbabit di sebuah rumah di Taman Chempedak, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara, 4.50 petang, 21 Julai lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nurul Aini Yahya manakala tertuduh diwakili peguam, Hairul Alif Hairul Azam.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 28 Ogos ini sebagai tarikh sebutan semula kes dan serahan dokumen.



Polis buru lelaki Nepal susulan disyaki terlibat cubaan mencabul kehormatan perempuan berusia 26 tahun di Rawang, Sabtu lalu.

# Cuba noda wanita dalam pejabat persatuan, lelaki Nepal masih bebas

Oleh MOHD. FAHMI ISMAIL 28 Julai 2025, 10:58 pm

GOMBAK – Polis sedang mengesan lelaki warga Nepal disyaki terlibat dalam kes cubaan merogol, mencabul dan melakukan gangguan seksual terhadap seorang perempuan tempatan di pejabat Persatuan Penduduk M-Residensi 1, Rawang, Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten
Komisioner Noor Ariffin Mohamad Nasir berkata, kejadian dipercayai berlaku kira-kira pukul 12.40 tengah hari dan suspek dilaporkan melarikan diri sejurus selepas insiden tersebut.

“Mangsa berusia 26 tahun dan siasatan sedang dijalankan di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan kerana mencabul kehormatan,” katanya menerusi kenyataan hari ini.

Orang awam yang mempunyai maklumat mengenai suspek diminta menghubungi Sarjan Razlan di talian 012-3521778 atau Zhulian di 017-6034416 bagi membantu siasatan. – KOSMO! ONLINE

## Lelaki lakukan gangguan seksual maut dipukul orang ramai

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad - Julai 28, 2025 @ 6:50pm




- Foto hiasan

ALOR GAJAH: Seorang lelaki maut dipercayai dipukul oleh orang awam malam tadi selepas didakwa melakukan gangguan seksual dengan menunjukkan kemaluan di tempat awam.

Dalam kejadian jam 7.26 malam itu, mangsa berusia 51 tahun dan sudah berkahwin ditemui mati di hadapan sebuah tadika di Jasin Bestari, Jasin, dekat sini.

Ketua Polis negeri, Datuk Dzulkhairi Mukhtar berkata, pihaknya menerima laporan berhubung itu kejadian sekitar jam 9 malam.



Ketua Polis negeri, Datuk Dzulkhairi Mukhtar. - Foto NSTP/Meor Riduwan Meor Ahmad

Beliau berkata, siasatan awal polis mendapati kejadian bermula apabila mangsa dikatakan menunjukkan kemaluan kepada khalayak ramai di parkir kenderaan sebuah pasar raya dan perbuatan itu disedari orang awam.

Katanya, mangsa kemudiannya dikejar oleh orang awam lalu dia melarikan diri menghala ke Jasin Bestari.

"Mangsa berjaya ditahan selepas berlaku pergelutan dan pada awalnya dua lelaki memukulnya sebelum dia berjaya melarikan diri ke kawasan semak dan terjun menyeberangi sungai," katanya pada sidang media selepas merasmikan Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Negeri Melaka 2025 di Stadium Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Dzulkhairy berkata, sebaik berjaya menyeberang sungai berkenaan, mangsa ditahan dan dipukul oleh beberapa lelaki yang terdengar jeritan orang awam meminta bantuan menangkapnya.

Katanya, mangsa yang mengalami kecederaan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh petugas perubatan dan mayatnya dibawa ke Unit Forensik Hospital Jasin untuk bedah siasat.

Menurutnya, bertindak atas maklumat polis menjalankan siasatan dan berjaya menahan tujuh individu termasuk seorang warga Pakistan berusia lingkungan 15 tahun hingga 50-an bagi membantu siasatan.

"Kesemua mereka direman tujuh hari mulai hari ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat diminta tampil membantu siasatan dengan menghubungi Pegawai Penyiasat Asisten Superintendan Mohamad Ehsan Abu Bakar di talian 016-520 9501," katanya yang turut menasihati orang ramai tidak mengambil tindakan terburu-buru.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, siasatan mendapati si mati mempunyai dua rekod jenayah sabitan kesalahan melakukan kelucahan melampau mengikut Seksyen 377D Kanun Keseksaan pada 2023 dan 2024.

"Maksudnya itu memang tabiat dia yang melakukan sekali lagi perbuatan (menunjukkan kemaluan) itu tahun ini yang berakhir dengan kematiannya," katanya.